

Hubungan majikan dan pekerja harus dijaga

ST 30/04/08 PG-T13

HUBUNGAN sesama rakan sekerja haruslah dijaga kerana ia banyak mempengaruhi kelancaran tugas di pejabat, begitu juga hubungan antara majikan dan kakitangan.

Natrah Yusof berpendapat, majikan jangan terlalu garang dengan pekerja bagi mengelakkan timbul konflik yang boleh menjejaskan kualiti kerja.

"Majikan yang terlalu garang mungkin menyebabkan pekerja melakukan kerja secara tidak ikhlas, memberontak dan hilang hormat.

"Jika ada tugas yang tidak memuaskan hati, majikan dinasihatkan mengambil pendekatan menegur pekerja dengan cara berhemah.

"Pada masa yang sama, majikan juga digalakkan mengambil hati pekerja dengan sentiasa mengambil berat kebijakan mereka, saling bertanya khabar dan mungkin boleh menganjurkan hari keluarga bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim," katanya.

Info Wanita



NATRAH YUSOF